

BORANG E

Akta Pengambilan Tanah, 1960
(Seksyen 10)

PENGAMBILAN YANG DICADANGKAN: NOTIS SIASATAN

Menurut perisytiharan pengambilan yang dicadangkan ke atas tanah-tanah yang butir-butirnya ada tersebut dalam Jadual di bawah ini, maka adalah dengan ini diberitahu bahawa suatu siasatan bagi membicarakan segala tuntutan terhadap pampasan bagi segala kepentingan atas tanah itu akan diadakan pada **15 Ogos 2019** masa **2.30 petang** bertempat di **Unit Pembangunan Tanah, Pejabat Daerah / Tanah Kuala Selangor**

2. Semua orang yang ada mempunyai kepentingan atas tanah yang tersebut itu samaada sebagai tuanpunya, penduduk, pemajak, pemegang gadai, penyewa atau lain-lain adalah dengan ini dikehendaki hadir di hadapan yang bertandatangan di bawah ini pada waktu yang tersebut di atas samaada sendirinya atau melalui wakil dan disana menyatakan :-

- (a) jenis kepentingan mereka masing-masing pada tanah itu;
- (b) jumlah dan butir-butir tuntutan mereka terhadap pampasan bagi kepentingan-kepentingan itu;
- (c) bantahan-bantahan mereka, jika ada, terhadap ukuran luas lebih kurang dinyatakan dalam Jadual di bawah ini;
- (d) nama mana-mana orang lain yang diketahui oleh pihak itu atau ejennya sebagai mempunyai sesuatu kepentingan pada tanah itu atau mana-mana bahagiannya, dan hendaklah mengemukakan semua dokumen yang berhubungan dengan tuntutan mereka;

3. Dan lagi adalah diberitahu bahawa pihak yang bertandatangan di bawah ini boleh menghendaki :-

- (a) supaya dalam sesuatu hal tertentu mana-mana kenyataan atau kenyataan-kenyataan itu dituliskan dan ditandatangani oleh pihak yang berkenaan itu atau wakilnya.
- (b) supaya mana-mana orang yang memiliki suratan hakmilik yang dikeluarkan atau apa-apa surat ikatan atau ikatan yang membuktikan hakmilik bagi mana-mana tanah yang dijadualkan di bawah ini menyerahkan suratan, surat-surat ikatan atau surat ikatan pada waktu siasatan itu.

Bertarikh pada: **15/07/2019**
Daerah: **KUALA SELANGOR**
Mukim: **MUKIM JERAM**

(Tandatangan Tanah)

JADUAL

No. Lot ukur	Hakmilik atau kependudukan	Tuanpunya berdaftar Atau penduduk yang Direkodkan	Keluasan lot	Anggaran Keluasan yang akan diambil
Lot 2798	GM 1728	Lee Kim Huat – 1/1 bhg	2.0234 hektar	0.2039 hektar